Borang Pendaftaran Pakej Haji 1448H / 2027

AMANI TRAVEL

No. Rujukan Pendaftaran:

No. Lesen: PJH 04/1448H

A | Maklumat Peribadi

Nama Penuh* (mengikut pasport termasuk gelaran jika ada cth Dato/Datin/Tan Sri) *wajib diisi

No Kad Pengenalan Baru | Tarikh Lahir | Jantina | Warganegara

No Akaun Tabung Haji* | Status Haji* | Tahun Daftar Haji* | Pekerjaan*

Sektor Penerbangan: Jeddah / Madinah

Berkerusi Roda: Ya / Tidak

Penyakit (jika ada)*

Tertakluk kepada kelulusan TH

Alamat Surat Menyurat

Poskod: Bandar/ Daerah: Negeri:

No Tel | Emel

Kod Pakej	
Kod Kump	
Nama Wakil	
Kod Agensi	
Email Agensi	
Saringan K-TH	
Tarikh	

Cop Syarikat

Kelulusan Akhir

QR serahan digital passport & gambar

B | Pilihan Kategori Pakej - Harga & Bil Invois

Kod Pakej* | Nama Pakej

Khemah Mina | Hotel Mekah

Bil Hari | Hotel Madinah

Aziziyah | Bilik | Kelas Penerbangan | Bilik

Pakej termasuk

Catatan

Ringkasan Bil Invois

Produk	Bil	Harga Seunit	Harga
Bayaran Asas Naik Haji ke TH Perkhidmatan Mashair Naik Taraf (PMN)			
		Jumlah	

Cara Pembayaran Deposit Pendaftaran

Maklumat Penting

- Keutamaan adalah kepada jemaah haji terpilih kuota tahun semasa
- Di Aziziyah semua lelaki dan wanita bilik berasingan bilik B4/B5 (tertakluk pakej)
- Lelaki dan wanita adalah secara berasingan kecuali bilik berdua di hotel Mekah dan Madinah
- Sektor penerbangan sewaan khas carter ekonomi tertakluk kepada jadual penerbangan haji TH dan tidak semestinya mengikut permohonan pemohon.
- Perkhidmatan mashair naik taraf (PMN) tertakluk kepada kekosongan
- Naik taraf penerbangan kelas perniagaan tertakluk kepada kekosongan semasa

C | Senarai Jemaah Turut Serta (Suami/ Isteri/ Anak/ Kawan/ DLL) *jika ada

Nama Penuh Pengikut	No. KP	Hubungan	Tahun Daftar Haji

Borang Pendaftaran Pakej Haji 1448H / 2027

AMANI TRAVEL

No. Rujukan Pendaftaran:

No. Lesen: PJH 04/1448H

D | Maklumat Waris di Malaysia

(tidak menunaikan haji) akan dihubungi jika perlu

WARIS 1

Nama

Pertalian

Negeri | No Tel

WARIS 2

Nama

Pertalian

Negeri | No Tel

E | Akuan Jemaah Haji pada Terma dan Syarat

PERAKUAN Terma & Syarat PENDAFTARAN PAKEJ HAJI AMANI TRAVEL SDN BHD 1448H/2027M

1.0 Syarat Penerimaan Penyertaan Tawaran Perkhidmatan Haji.
1.1 Penerimaan pendaftaran untuk menyertai perkhidmatan Pakej Haji AMANI TRAVEL SDN BHD (ATSB) adalah tertakluk kepada Kuota Haji yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi ke atas negara Malaysia pada tahun semasa dan faham sekiranya saya tidak tersenarai pada tahun tersebut.
1.2 Saya hendaklah mendaftar dengan TH serta telah menerima surat tawaran terpilih untuk menunaikan haji 1448H/2027M.
1.3 Bahawa saya akan menyertakan bank transfer / cek / wang tunai bernilai RM5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja) sebagai wang Deposit Pendahuluan Pendaftaran Haji ATSB.
1.4 Saya akan menjelaskan baki bayaran kepada syarikat ATSB mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan. Maklumat akaun syarikat AMANI TRAVEL SDN BHD adalah seperti berikut

BANK : **BANK ISLAM**
NAMA AKAUN : **AMANI TRAVEL SDN. BHD.**
NO AKAUN : **0505 8010 0486 58**

1.5 Saya bertanggungjawab mencukupkan kadar bayaran Haji seperti mana bekal haji muassasah atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh TH.
1.6 Sebagai jemaah yang mendaftar Pakej Haji, saya bersetuju bahawa ATSB boleh menyimpan, memproses dan menggunakan Data Peribadi bagi tujuan menyediakan perkhidmatan, bahan pemasaran dan promosi produk ATSB di Tanah Air dan di Tanah Suci selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
1.7 Permohonan ini akan ditolak atau boleh dibawa ke tahun hadapan sekiranya Pendaftaran Haji saya di TH tidak termasuk dalam Kuota Haji pada tahun semasa.
1.8 Saya akan mematuhi syarat-syarat penyertaan Pakej Haji ATSB seperti yang dinyatakan dalam risalah.
1.9 Memberikan kebenaran supaya harga Pakej Haji ATSB dan lain-lain bayaran oleh TH (jika ada) didebit terus dari Akaun Simpanan saya di TH.

2.0 Menarik diri / Pembatalan
2.1 Sekiranya saya membatalkan pendaftaran Pakej Haji ATSB setelah terpilih menunaikan haji (kecuali atas sebab sebab yang dibenarkan), bayaran deposit pendahuluan pendaftaran haji ATSB yang telah dibayar tidak akan dipulangkan.
2.2 Pembatalan haruslah secara bertulis dan dimaklumkan secepat mungkin bagi mengelakkan salah faham. Caj pembatalan adalah tidak termasuk caj yang dikenakan oleh TH bagi bayaran Haji adalah seperti berikut ;
2.2.1 KATEGORI 1 - Denda pembatalan sebanyak 5% daripada harga pakej haji setelah ditolak bayaran haji PJH sekiranya membatalkan pakej haji setelah membuat Bayaran Pakej Haji.
2.2.2 KATEGORI 2 - Denda pembatalan sebanyak 20% daripada harga pakej haji setelah ditolak bayaran haji PJH sekiranya membatalkan pakej haji setelah Jadual Penerbangan Haji dikeluarkan.
2.2.3 KATEGORI 3 Denda pembatalan sebanyak 40% daripada harga pakej haji setelah ditolak bayaran haji PJH sekiranya membatalkan pakej haji setelah Jadual Penerbangan Haji dikeluarkan dan Visa Haji diperuntukkan.

2.3 Pertukaran dari satu pakej kepada pakej yang lain tidak dibenarkan setelah pengesahan dibuat.
2.4 ATSB berhak menawarkan perkhidmatan Pakej Haji ATSB yang lain jika pakej haji yang dipilih telah penuh.

3.0 Ketidaktentuan
3.1 ATSB tidak akan bertanggungjawab ke atas "Force Majeure", yang berlaku bukan dalam kawalan dan kuasa ATSB. Melainkan dalam hal keingkaran yang disengajakan. ATSB tidak akan menanggung apa-apa liabiliti dan tidaklah bertanggungjawab membayar ganti rugi atas apa-apa yang berkenaan dengan perkhidmatan operator di Tanah Suci yang di luar kawalan ATSB.

4. Aduan
4.1 Sebarang perkhidmatan ATSB di tanah suci yang tidak memuaskan pihak Jemaah haji dan ingin diadukan kepada TH, hendaklah dibuat ketika di tanah suci iaitu di Pusat Perkhidmatan Maktab TH iaitu sebelum Jemaah Haji berangkat balik ke tanah Air.

5.0 Pengakuan dan pengesahan
5.1 Saya dengan rela hati bersetuju untuk menerima tawaran perkhidmatan pakej haji oleh Amani Travel Sdn Bhd berdasarkan tawaran perkhidmatan Haji dan syarat-syarat pembatalan yang telah ditetapkan oleh Amani Travel Sdn Bhd.
5.2 Saya mengesahkan semua butiran yang saya nyatakan adalah benar.
5.3 Saya bersetuju mematuhi semua syaratsyarat penerimaan tawaran perkhidmatan haji oleh Amani Travel Sdn Bhd seperti yang dinyatakan diatas.

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua maklumat dan syarat-syarat yang terkandung dalam borang ini dan mengakui segala maklumat diberikan adalah benar.

Nama*

No. KP*

Tarikh*